

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Fenomena ombak besar diramal berakhir hari ini	Kosmo
2	SIRIM komited bangun R&D dan PKS	Utusan Malaysia

Fenomena ombak besar diramal berakhir hari ini

KUALA LUMPUR - Fenomena ombak besar yang melanda Terengganu, Kelantan, Pahang, Johor Timur diramal berakhir hari ini selepas amaran angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga dikeluarkan Ahad lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan dari 60 kilometer sejam (km/j) dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter



dijangka berlaku di kawasan perairan negeri berkenaan sehingga semalam.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60km/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter turut berlaku di kawasan perairan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah meliputi Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk kepada pekerja di pelantar minyak

"Kawasan terlibat juga terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut dan turut kurang selamat untuk perkhidmatan feri," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Che Gayah berkata, kejadian bulan penuh turut menjadi antara faktor berlakunya air pasang besar dipengaruhi tarikan graviti apabila bumi, bulan dan matahari berada pada satu garis lurus atau sejajar.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 28 JANUARI 2016 (KHAMIS)

SIRIM komited bangunkan R&D dan PKS

Oleh **ABDULL YAZID ALIAS**
 eionam@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 27 JAN.**

SIRIM Berhad (SIRIM) menggariskan enam peluang utama dalam menerajui sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang pada tahun ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, enam peluang tersebut merupakan sebahagian daripada strategi yang dirancang pihaknya bagi melonjakkan lagi peranan serta kualiti perkhidmatan SIRIM dalam bidang R&D selaras dengan usaha negara untuk mencapai status negara maju serta berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Katanya, enam peluang tersebut melibatkan pembangunan dalam merangsang pertumbuhan berasaskan industri; penyelidikan berasaskan permintaan; mempromosi perkongsian hak harta intelek (IPK); pendidikan vokasional dan teknikal (TVET); pembangunan penilaian kitaran hidup (alam sekitar) dan meningkatkan pendapatan isi rumah generasi berpotensi kumpulan di bawah 40 peratus (B40).

"Enam peluang pembangunan itu merupakan antara penekanan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

"Malah, peluang-peluang pembangunan yang dilaksanakan SIRIM pada tahun ini termasuklah kerjasama di antara SIRIM dengan Fraunhofer (Fraunhofer Gesellschaft Institute), iaitu sebuah institut penyelidikan terkemuka Jerman yang dilihat mampu meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan kepada pertumbuhan sektor industri di negara ini khususnya PKS (perusahaan kecil dan sederhana)," katanya.

Malah usaha itu ujunya, selaras dengan pelan penstrukturan semula pengurusan SIRIM bermula pada tahun ini yang menekankan konsep unit perniagaan strategik (SBU) yang memberi tumpuan terhadap aktiviti komersial menerusi anak



SIRIM akan menjalankan Fasa Kedua Audit Teknologi pada tahun ini dengan PKS.

syarikatnya iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd.; SIRIM STS Sdn. Bhd.; SIRIM Measurements Technology Sdn. Bhd.; National Precision Tooling Sdn. Bhd.; SIRIM Tech Venture Sdn. Bhd. dengan mana-

mana syarikat swasta atau pihak persendirian.

Selain itu jelas beliau, SIRIM turut melaksanakan perannya dalam pembangunan bagi sektor kerajaan seperti pelaksanaan Program Peningkatan Produktiviti dan Inovasi PKS di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan peruntukkan keseluruhan RM11 juta selain program pembangunan lain di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Mengulas lanjut mengenai Program SIRIM-Fraunhofer, Zainal Abidin menyatakan, pihaknya berjaya menyelesaikan fasa pertama audit teknologi melibatkan PKS yang pada 2015 iaitu 151 buah syarikat yang merangkumi aktiviti kajian selidik, temubual, seminar, bengkel dan sebagainya bagi menentukan keupayaan PKS dalam aplikasi teknologi, produk dan pasaran.

SIRIM juga melaksanakan Program Groom Big bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) untuk memperkasakan sektor import melibatkan syarikat-syarikat tempatan ke negara luar.

Katanya, proses tersebut termasuk mengenal pasti kriteria kelayakan untuk Pusat Inovasi Industri (ICoIs).

Hasil daripada pelaksanaan audit teknologi tersebut katanya, SIRIM telah mengenal pasti 37 syarikat PKS untuk menjalani Program Menakarut Teknologi merangkumi:

- Pelaksanaan automasi proses dan pemasangan; kajian dan reka semula susun atur kilang.
- Menjalankan audit tenaga dan melaksanakan inisiatif kecekapan

tenaga.

■ Menjalankan kursus-kursus latihan dalam produktiviti program eko-inovasi.

■ Mengadakan bengkel inovasi SIRIM-Fraunhofer.

"Hasil daripada Program Menakarut teknologi SIRIM ini, kita akan terus membantu para usahawan PKS di bawah Program Transformasi Teknologi PKS yang melibatkan peruntukan dana sebanyak RM200 juta di bawah SME Bank.

"Pada tahun ini, aktiviti teknologi audit akan dibuka kepada 170 syarikat PKS. Kita harap syarikat-syarikat PKS akan mengambil peluang menyertai program yang kita jalankan ini untuk mendapatkan penyelesaian teknologi bagi membolehkan mereka bersaing termasuk mereka ke pasaran luar.

"Ini niat kerajaan untuk membangunkan sektor PKS tempatan dan SIRIM mengambil inisiatif memikul amanah tersebut dengan melaksanakan aktiviti yang dirangka pada tahun ini dengan kerjasama Institut Fraunhofer yang mempunyai kira-kira 24,000 saintis dan jurutera dan terli-

PERKHIDMATAN TERAS SIRIM

PENGANGKUTAN



- Penyelidikan Perindustrian
- Pembangunan Produk
- Peningkatan Produk
- Penilaian Teknologi
- Pengkomersialan Teknologi
- Perkhidmatan Pengesanan Pengukuran
- Pembangunan Usahawan

KOMERSIAL



- Pensijilan, Pengujian dan Pemeriksaan
- Latihan dan Perundingan
- Penyelidikan dan Pengurusan Standard
- Tentukan dan Pengukuran
- Reka Bentuk Keselamatan dan Pembangunan
- Inkubator Usaha Niaga

bat dalam pembangunan industri di peringkat antarabangsa.

"Pasa masa sama, SIRIM juga melaksanakan Program Groom Big bagi pihak MITI serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) untuk memperkasakan sektor import melibatkan syarikat-syarikat tempatan ke negara-negara luar," jelasnya lagi.

Pada masa sama, SIRIM juga mengemukakan usaha untuk membangunkan bidang pensijilan ekoran kejayaannya pada tahun lalu yang membangunkan dua pensijilan pematuhan penting iaitu Pensijilan Sistem Pen-

gurusan Aset-ISO 55001:2014 yang melibatkan sistem pengurusan aset serta *Product Carbon Footprint Certification* yang melibatkan sokongan matlamat produk dan perkhidmatan mesra alam.

Selain itu, SIRIM turut meneruskan pembangunan pengkomersialan teknologi selaras dengan 2016 yang merupakan tahun pengkomersialan Malaysia susulan kejayaan badan itu pada tahun lalu yang membangunkan teknologi seperti *Wound Management* (Pengendalian Luka Dalaman dan Luaran), *Innocraft*, *Kalkulator Karbon SIRIM*, *BioNG* dan *Pressure Vessel Cylinder* (Tangki Tekanan Tinggi).



ZAINAL ABDIN MOHD. YUSOF